

Editor Katolik Asia,

Digesa perkukuh kerjasama demi penginjilan

MANILA: Para editor Katolik dari seluruh Asia berkumpul di ibu negara Filipina untuk mesyuarat dua hari yang meneliti semula peranan kewartawanan Katolik di tengah-tengah gangguan digital dan sekularisme yang semakin meningkat.

Dianjurkan oleh SIGNIS Asia, Meja Bulat Editor Penerbitan Berita Katolik 2.0 menghimpunkan editor dari 11 negara — Bangladesh, India, Indonesia, Jepun, Malaysia, Pakistan, Filipina, Korea Selatan, Singapura, Thailand dan Timor Leste.

Merengus suara Katolik dalam era digital

Adeline James, ketua Meja Kewartawanan SIGNIS Asia, berkata perhimpunan itu menyediakan ruang untuk merengus cara berita Katolik dikomunikasikan hari ini dan bagaimana media berasaskan iman dapat menjangkau khalayak dengan lebih baik dalam persekitaran digital yang serba pantas.

“Ini adalah peluang bagi organisasi berita Katolik di Asia untuk berkumpul dan membincangkan cara kita boleh mengukuhkan kerjasama, memperbesar kerja masing-masing, dan memastikan cerita kita tentang iman dan keadilan sampai kepada mereka yang paling memerlukan untuk mendingarkannya,” katanya.

Perbincangan tertumpu pada mengekalkan relevan kewartawanan Katolik, mendapatkan semula suara iman dalam media sekular, dan membina kerjasama serantau yang lebih kukuh dalam kalangan komunikator Gereja.

Kerjasama rentas sempadan untuk media Katolik

Dr Peter Rachada Monthienvichienchai, Pengarah Eksekutif LiCAS News dan Setiausaha Agung SIGNIS Dunia, menekankan bahawa kewartawanan Katolik mesti melangkaui sempadan negara untuk menjadi rangkaian perpaduan yang benar-benar Asia.

“Dengan bekerjasama, kita boleh membantu satu sama lain menceritakan kisah-kisah yang penting — kisah-kisah yang mungkin tidak selalu mempunyai ruang untuk diceritakan di rumah,” katanya.

Beliau berkata kerjasama yang lebih erat membolehkan bilik berita sesebuah negara menerbitkan atau memperbesar



Sandra Ann dan Amanda Mah daripada HERALD, Catholic Weekly Malaysia membentangkan laporan semasa Meja Bulat Editor SIGNIS ASIA 2.0 di Manila. (Mark Saludes).

cerita yang dihadkan di tempat lain, seperti laporan mengenai kebebasan beragama atau hak asasi manusia di Pakistan atau Bangladesh.

Sokongan editorial bersama, tambahnya, memastikan cerita-cerita penting sampai kepada khalayak walaupun terdapat kekangan tempatan.

“Kita bukan sahaja dipanggil untuk menceritakan kisah-kisah ini tetapi juga untuk menyebarkan dan memperbesarkannya — untuk memastikan suara dari pinggir didengari di seluruh Asia dan seterusnya,” katanya.

Di bawah rangkaian SIGNIS, beliau menyatakan, pelbagai bilik berita boleh menerbitkan semula, menyesuaikan, dan membangunkan susulan supaya “sesuatu cerita tidak berakhir apabila ia diterbitkan sekali, tetapi terus bercakap melalui banyak suara di seluruh rantau.”

Menjadikan suara Gereja didengari

Msrgr Pedro C. Quitarro III, Pengarah Pejabat Media Konferensi para Uskup Katolik Filipina, membincangkan kepentingan mengubah kuasa pengajaran Gereja menjadi berita yang tepat pada masanya, mudah diakses dan relevan.

Beliau berkata kewartawanan kekal penting untuk penginjilan kerana ia membentuk cara orang ramai mentafsir peristiwa

dan memahami isu moral dan sosial melalui lensa iman.

“Melalui berita, Gereja boleh berkongsi kisah harapan, keadilan, dan belas kasihan, menyerahkan kehadiran Tuhan dalam kehidupan seharian, dan memberi suara kepada golongan yang terpinggir,” katanya.

Mengulas tema “Merapatkan Jurang: Menghidupkan Iman di Asia yang Semakin Sekular dan Dipenuhi Skrin,” beliau menggesa wartawan untuk memperdalam kehadiran Gereja dalam budaya digital dan melihat berita sebagai alat pastoral untuk perjumpaan dan dialog.

Beliau menggariskan beberapa keutamaan utama iaitu:

❖ “Memberitakan magisterium” — Perlakukan ajaran Gereja sebagai bahagian yang layak mendapat berita dalam wacana awam.

❖ Budaya digital — Bina infrastruktur yang membolehkan kewartawanan Katolik berkembang maju dalam talian.

❖ Pendapat awam — Galakkan suara Gereja mengenai isu sosial yang berkaitan dengan pembangunan manusia.

❖ Misionari digital — Utamakan kesaksian nilai berbanding bilangan; jadilah “garam, cahaya dan ragi.”

Kepercayaan di ruang awam

Paterno R. Esmaguel II, editor berita

Rappler di Filipina meneroka bagaimana iman bersilang dengan politik, ekonomi, dan budaya — bidang di mana media Katolik boleh membantu membentuk perbualan yang mempengaruhi kehidupan orang ramai.

Beliau berkata media sekular dan Katolik tidak perlu berasingan. “Kita berkongsi panggilan yang sama untuk mencari kebenaran, berkhidmat kepada masyarakat, dan menceritakan kisah yang mengangkat maruah manusia,” katanya.

Refleksi semula komunikasi

Martino Tan, Ketua Pengarang Mothership.sg, mencabar peserta untuk menilai bagaimana media Katolik melibatkan penonton dalam landskap digital yang berkembang.

Beliau meminta editor untuk merengus strategi komunikasi, impak kepada khalayak, dan peluang untuk kerjasama rentas sempadan.

Martino menggesa para editor untuk memikirkan bagaimana media Katolik boleh membangunkan iman umat Katolik sekali gus memperdalam kerohanian mereka.

Mesyuarat itu diakhiri dengan pengukuhan daripada para peserta pelan kerjasama antara organisasi berita Katolik dan membangunkan inisiatif bersama di bawah rangkaian SIGNIS. LiCAS News

Keadaan sempurna untuk berdoa

Dalam autobiografinya *The Long Loneliness*, Dorothy Day berkongsi bagaimana dia pernah berdoa pada saat-saat sukar dalam hidupnya.

Dorothy Day, seperti yang anda tahu, dibesarkan tanpa iman.

Seorang intelektual, penyokong Marxisme dan anti-Gereja, Dorothy ketika berusia 20-an, yakin bahawa sesiapa sahaja mempunyai keberanian untuk memandang kehidupan ini adalah seimbang, maka mereka tidak memerlukan Tuhan.

Ada beberapa orang yang menyokong pendirian Dorothy yang menyebabkan dia bertambah yakin. Cinta dalam hidupnya pada masa itu ialah seorang lelaki yang sependapat dengannya.

Dorothy tinggal bersama teman lakinya dan melahirkan anak di luar perkahwinan. Kelahiran anak perempuan ini telah mengubah Dorothy dengan cara yang tidak pernah dijangka.

Memegang anak perempuannya yang masih bayi, dia begitu terharu, kagum dan bersyukur tanpa sedar dia berdoa secara spontan: "Untuk kebahagiaan yang begitu besar, saya perlu berterima kasih kepada seseorang!"

Daripada rasa syukur dan doa singkat itu, iman Dorothy mulai bertunas, air matanya yang paling murni juga mengalir menandakan rasa syukur yang tidak terhingga.

Dia mengambil beberapa kelas, dibaptis dan menjadi Katolik. Teman lakinya berasa terganggu dengan perubahan itu, memberi amaran bahawa jika Dorothy membaptis anak mereka, dia akan meninggalkannya.

Dorothy membaptis anaknya dan teman lakinya meninggalkannya. Begitu juga dengan rakan-rakan, ramai yang meninggalkan Dorothy.

Jadi, meskipun Dorothy mempunyai semangat dan percaya dengan keyakinan baharunya, dia mendapati dirinya sangat bersendirian, tanpa rakan-rakan lama dan sistem sokongan juga lemah, kini dia seorang ibu

tunggal, tinggal bersendirian, kekurangan wang dan tanpa sebarang visi tentang apa yang patut dia lakukan.

Dia terumbang-ambing untuk seketika, berasa semakin sunyi dan tidak yakin pada dirinya sendiri. Namun pada suatu hari, dia memutuskan bahawa dia perlu menangani perkara ini.

Dia meninggalkan anak perempuannya yang masih kecil di bawah jagaan rakan-rakan dan menaiki kereta api ke Washington, D.C. di mana dia menghabiskan beberapa jam berdoa di *Shrine* Kebangsaan Perawan Suci.

Doanya pada hari itu adalah doa yang penuh keputusan. Pada dasarnya, ini adalah doanya kepada Tuhan: "Saya telah mengorbankan banyak untuk-Mu, dan Engkau tidak melakukan apa-apa pun untuk saya! Saya sesat, bersendirian, tidak pasti apa yang perlu dilakukan, dan kehabisan tenaga serta kesabaran. Saya perlukan bantuan – perlukannya sekarang, bukan pada masa depan! Tolong saya! Tolong saya sekarang! Saya tidak boleh terus begini!"

Apabila dia kembali ke New York, seorang lelaki sedang menunggunya. Lelaki itu memberitahu Dorothy bahawa dia telah mendengar kisah Dorothy, mempunyai idea, dan dia memerlukan bantuannya.

Lelaki itu menjelaskan kepada Dorothy tentang konsep "*The Catholic Worker*." Nama lelaki itu ialah Peter Maurin dan kisah selanjutnya ialah sejarah. Sejak saat itu, Dorothy mempunyai visi untuk sepanjang hayatnya.

Tidak semua orang mendapat jawapan yang begitu cepat dan jelas dalam doa. Martin Luther King, sebagai contoh, berkongsi bagaimana dia pernah berdoa pada saat-saat sukar dalam hidupnya:

Pada suatu malam menjelang akhir Januari, saya masuk tidur lewat, selepas hari yang melelahkan. Coretta sudah pun tertidur dan ketika saya hampir terlelap, telefon berdering. Kedengaran suara marah-marah di talian telefon, 'Dengar, Orang Hitam, kami sudah ambil semua yang kami mahu



daripada kamu, sebelum minggu depan kamu akan menyesal pernah datang ke Montgomery.'

Saya meletakkan telefon, tetapi saya tidak boleh tidur. Seolah-olah semua ketakutan saya telah menimpa saya sekali gus. Saya sudah mencapai tahap tepu.

Saya bangun dari katil dan mula berjalan di lantai. Akhirnya, saya pergi ke dapur dan memanaskan periuk kopi. Saya sudah bersedia untuk menyerah. Dengan secawan kopi saya terbiar tidak disentuh di hadapan saya, saya cuba memikirkan cara untuk keluar dari situasi itu tanpa kelihatan seperti pengecut.

Dalam keadaan keletihan ini, apabila keberanian saya hampir hilang, saya memutuskan untuk membawa masalah saya kepada Tuhan.

Dengan kepala di tangan, saya membongkok di atas meja dapur dan berdoa dengan lantang. Kata-kata yang saya ucapkan kepada Tuhan pada tengah malam itu masih jelas dalam ingatan saya:

Saya di sini mengambil pendirian untuk apa yang saya percaya betul. Tetapi sekarang saya takut.

Rakyat mengharapkan kepimpinan daripada saya, dan jika saya berdiri di hadapan

mereka tanpa kekuatan dan keberanian, mereka juga akan goyah.

*Saya sudah kehabisan tenaga. Saya tidak ada apa-apa lagi. Saya sudah sampai ke tahap di mana saya tidak boleh menghadapinya bersendirian. Pada saat itu saya mengalami kehadiran Ilahi seperti yang tidak pernah saya alami sebelum ini." (MLK, *Stride Towards Freedom*)*

Christina Crawford, pengarang *Mommy Dearest*, sebuah memoir tentang pengalamannya membesar di Hollywood sebagai anak kepada bintang terkenal, berkongsi bagaimana pada satu ketika dalam hidupnya, dia berasa hilang tanpa harapan dan pernah hilang sepenuhnya; tetapi kemudian beliau menambah bahawa "hilang" juga ialah sebuah tempat, sebuah kedudukan dan boleh dikatakan lokasi meskipun "salah tempat"!

Ya, dia betul. "Hilang" ialah tempat di mana kita dijemput khas untuk berdoa. Apabila kita sakit seluruh badan, berasa putus asa dan tidak berdaya, dan berlutut kerana terlalu lemah untuk berdiri, kita berada dalam kedudukan yang sempurna untuk berdoa. "Hilang" juga ialah sebuah tempat atau lokasi untuk berdoa! **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

HARI MINGGU PARA ARWAH (C)

YESAYA 25: 6-9;
ROMA 5: 5-11;
INJIL LUKAS 7: 11-17

Dalam Injil Lukas hari Minggu ini, kita mendengar kisah tentang Yesus yang membangkitkan seorang anak muda iaitu anak tunggal seorang janda di kota kecil Nain.

Dalam konteks seluruh Injil Lukas Bab 17 (Luk 7:1-50), petikan pendek ini mengungkapkan keinginan Yesus, yang begitu mendalam untukewartakan khabar sukacita kepada semua orang, bukan hanya dengan kata-kata, tetapi juga dengan perbuatan nyata dan Dia tidak membeza-bezakan sesiapa pun!

Jika kita benar-benar menghayati pembacaan Injil pada hari Minggu ini, ada empat hal yang patut kita perhatikan (Luk 7:11-17):

Menurut Injil, Yesus pergi ke Nain, diikuti murid-murid-Nya dan orang ramai. Ketika mendekati pintu gerbang kota Nain, ada seorang anak muda mati, yang dibawa sekumpulan penduduk keluar dari kota untuk ke kuburan.

Anak muda yang mati itu merupakan anak tunggal, ibunya seorang janda. Dalam peristiwa itu terjadilah pertemuan dua pergerakan kumpulan orang yang bertembung di jalan dari arah berlainan.

Satu kumpulan ialah pergerakan kematian iaitu orang-orang bergerak ke luar kota



Compassio, ikut berasa derita

membawa orang mati, sedangkan kumpulan yang satu lagi ialah gerakan kehidupan iaitu Yesus, murid-murid-Nya dan orang ramai yang mahu memasuki kota.

Inilah gambaran dua gerakan jalan hidup yang saling bertentangan arah dan tujuan.

Tertulis dalam Injil, "Ketika Tuhan melihat janda itu, tergeraklah hatinya oleh belas kasihan. Dia berkata kepadanya: Jangan menangis!"

Apa yang dimiliki dan dirasakan oleh Yesus ialah "*compassio*" (bahasa Latin) bermaksud "ikut menderita" atau "turut serta merasakan derita".

Apa yang dirasakan orang lain ikut dirasakan dalam diri-Nya sendiri. Dengan kata lain, *compassio* bererti menjadikan diri-Nya se-

perti orang lain yang berkaitan, ibaratnya ikut merasakan penderitaannya.

Compassio inilah yang membangkitkan dan menggerakkan kekuatan serta kemampuan Yesus, iaitu kekuatan-Nya atas hidup dan maut, untuk menghidupkan kembali anak muda yang mati itu.

Mendekati orang muda itu Yesus serentak berkata; "Hai anak muda, Aku berkata kepadamu: bangkitlah!"

Orang muda itu serta merta bangkit, mulai berbicara dan Yesus menyerahkannya kepada ibunya.

Ketika menghadiri upacara pengebumian baru-baru ini, saya mendengar salah seorang ahli keluarga yang sedang bersedih, berkata, "Dahulu ketika Yesus masih ada di

dunia ini, kita masih mempunyai kepercayaan dan harapan, bahawa kita tidak akan kehilangan seseorang yang mati sebab Yesus pasti dapat membangkitkannya kembali."

Sebenarnya, kebangkitan anak muda di Nain itu bukan peristiwa yang terjadi ribuan tahun lalu. Memang keberadaan Yesus semasa hidup di dunia, terbatas di Palestine namun kini sesudah kebangkitan-Nya, Dia hadir di mana sahaja.

Sekarang pun Dia hadir di tengah-tengah kita. Yesus yang satu dan sama hadir bersama kita, dan dapat menolong kita untuk menghindari kematian dan menjauhkan dukacita kematian kita sendiri mahu pun orang lain. Sehingga pada waktu ini, Yesus akan berkata lantang kepada kita: "Aku berkata kepadamu: bangkitlah!"

Ketika menyaksikan Yesus membangkitkan anak muda dari Nain, semua orang ketakutan dan mereka memuliakan Tuhan: "Seorang nabi besar telah muncul di tengah-tengah kita dan Tuhan telah melawat umat-Nya".

Kenyataan daripada orang-orang yang melihat dan memuliakan Yesus itu mengundang beberapa soalan renungan untuk kita:

1. Apakah penderitaan atau kesedihan orang lain atau sesama kita juga mampu menimbulkan *compassio* dalam diri kita?
2. Apakah yang dapat kita lakukan untuk menolong orang lain untuk menghilangkan kesedihannya, dan untuk menciptakan hidup sukacita yang baharu?
3. Apakah selama ini kita membawa sukacita dan damai kepada sesama? **Msgr. FX. Hadisumarta O.Carm**

KUANTAN: Para klerus Keuskupan Agung Kuala Lumpur mengadakan "ziarah harapan" ke pusat ziarah Gereja St Thomas Rasul, yang terletak di pantai timur, di sempadan keuskupan agung sebagai rekoleksi bulanan mereka.

Rekoleksi bulanan para klerus kali ini unik kerana tidak diadakan di tempat biasa para paderi berhimpun iaitu di Pusat Pastoral Keuskupan Agung, KL dan di luar Lembah Klang.

Acara dimulakan dengan perkongsian oleh paderi paroki Gereja St Thomas, Fr George Packiasamy, tentang kepentingan Tahun Jubli dalam tradisi Yahudi, Ibrani dan Kristian.

Paderi itu kemudiannya membicarakan tema bagi Jubli biasa tahun ini yang telah ditetapkan oleh Sri Paus Fransiskus, "Para Penziarah Harapan." Fr George mengakhiri perbicaraannya dengan sejarah paroki St Thomas, Kuantan.

Memandangkan ramai umat dari keuskupan agung dan tempat lain telah melakukan ziarah ke pusat-pusat ziarah tempatan dan antarabangsa, para paderi dari Keuskupan Agung KL memutuskan untuk melakukan ziarah ini dalam semangat sinodaliti bersama rakan-rakan paderi sambil memperkayakan lagi pengalaman rohani mereka.

Fr Michel Dass, paderi pembantu Gereja St Anthony, meny-



Menjadi versi yang lebih baik dalam pelayanan imamat

takan kegembiraannya dengan perubahan lokasi bulan ini, dengan mengatakan bahawa seluruh pengalaman ziarah itu telah menyegarkannya semula sebagai paderi yang penuh harapan dan gembira.

Fr Dominic Tan, dari Gereja *Holy Rosary*, menyatakan bahawa perhimpunan itu adalah peringatan yang tepat pada masanya bahawa Tahun Jubli mengisyharkan harapan kita dalam rahmat Tuhan.

Fr Simon Labrooy, paderi paroki Gereja St Jude, berkata renungan dan ziarah itu memainkan peranan penting dalam memperdalam kerohanian imamat dan memperkukuh persaudaraan

sesama paderi.

Fr Peter Anthony dari Gereja Kristus Cahaya, berkata bahawa beliau terharu dengan layanan mesra jemaah umat serta usaha bijaksana mereka menjadikan ziarah itu pengalaman yang istimewa dan tidak dapat dilupakan bagi para paderi.

Selepas Ibadat Petang, diikuti penyembahan kepada Sakramen Mahakudus dan pengakuan, para klerus dijamu dengan makan malam di sebuah restoran tempatan, sebagai penutup yang se-suai untuk jadal hari pertama.

Pada hari kedua, para klerus memulakan program dengan Ibadat Pagi dan Misa bersama komuniti

tempatan.

Dalam ceramahnya, Fr Richard Anthonysamy SJ, mengetengahkan perkara-perkara penting daripada dokumen *Lineamenta*: Panggilan dan Misi Keluarga dalam Gereja dan Dunia Kontemporari yang dibentangkan di Sinode para Uskup 2014.

Ini diikuti dengan laporan terkini daripada para paderi paroki di seluruh keuskupan agung mengenai aktiviti yang dijalankan di Gereja masing-masing.

Dalam khutbahnya pada Misa pagi, Uskup Agung Julian Leow mengingatkan para klerus bahawa kesempurnaan dalam konteks perintah Tuhan untuk menjadi "sem-

purna seperti Bapa kamu yang di syurga yang adalah sempurna, ialah panggilan untuk meneladani Tuhan dalam semua aspek; untuk bersimpati seperti Bapa bersimpati; untuk mengasihi seperti Bapa mengasihi; tidak cepat menghakimi dan membuat perbandingan dengan orang lain.

Uskup agung itu menambah, kita harus membandingkan diri kita dengan Tuhan dan mencontohi-Nya dalam belas kasihan dan kasih-Nya yang bermurah hati.

"Jika kita meluangkan lebih banyak masa untuk menumpukan perhatian kepada misi kita, kita sukar mempunyai masa untuk menghakimi orang lain dan membandingkan diri kita dengan mereka," pesan Uskup Agung Julian.

Prelatus itu menggesa para klerus untuk menjadi "versi yang lebih baik" bagi diri mereka sendiri dan untuk memberi tumpuan kepada pembinaan Gereja sinodal."

Pada akhir kenangan ini, ramai berkongsi bahawa mereka tersentuh dengan kegembiraan dan persahabatan dalam kalangan klerus sepanjang ziarah, termasuk perjalanan jauh ke Kuantan dan perjalanan pulang ke Kuala Lumpur.

Seperti kata Fr Simon Labrooy, apa yang paling menonjol ialah pengalaman "persaudaraan yang kuat, saling menyokong dalam doa dan merayakan Ekaristi dengan sukacita." **Fr Michael Chua**

Tamu Solidariti ke-21: Sepakat membawa berkat

KENINGAU: Jika anda mencari herba atau sayur-sayuran yang sudah lama tidak ditemui di pasar raya, mungkin anda boleh menemuinya di Tamu Solidariti Keuskupan Keningau.

Tamu Solidariti merupakan program tahunan bermisi untuk pencarian dana bagi Keuskupan, paroki dan juga tabung seminarian. Pada tahun ini, Tamu Solidariti Edisi ke-21 berlangsung pada Oktober 5, di Dataran Kekitaan, Kampung Tatal, Keningau.

Lebih lapan ribu umat mengunjungi Tamu yang dimulakan dengan perasmian Tamu Solidariti melalui Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Bukan mudah menganjurkan tamu berskala besar. Kejayaannya bergantung kepada kesatuan dan kerjasama dalam komuniti Gereja. Sebanyak 56 gerai yang mengambil bahagian, tidak sekadar mengutamakan keuntungan tetapi lebih bersolidariti, saling kenal mengenali dan berbual mesra.



Dalam homilinya, prelatus menekankan bahawa Tamu Solidariti bukan sahaja bertujuan untuk mencari dana, tetapi juga sebagai kesempatan bagi umat untuk mengungkapkan iman, harapan dan kasih mereka kepada Tuhan.

Bapa Uskup Cornelius turut mengingatkan bahawa setelah

21 tahun penganjurannya, Tamu Solidariti menjadi perjalanan rohani bersama menuju destinasi akhir setiap umat iaitu rumah Bapa di syurga, sambil saling membantu dan menyumbang demi kasih kepada Kristus.

Sejak mula diperkenalkan, Tamu Solidariti menjadi platform

bagi umat untuk menyumbang, berkhidmat, dan berkongsi berkat bagi pembangunan pastoral serta infrastruktur Gereja di Keuskupan Keningau.

Bukan sahaja ahli-ahli Majlis Pastoral Paroki dan Komuniti Umat Katolik (KUK) yang mengambil bahagian, tetapi para paderi dan religius sama-sama turun padang. Ada di antara mereka yang memasak, menjual, menyanyi dan membantu mempromosikan barangan jualan.

Lebih daripada itu, ia menjadi kesempatan bagi umat untuk bersyukur atas berkat Tuhan melalui kebersamaan dan sokongan antara satu sama lain.

Syukur, meskipun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, edisi ke-21 Tamu Solidariti tetap dapat dilaksanakan, membuktikan bahawa doa dan Ekaristi telah mempererat kesatuan dan menyuburkan kerjasama dalam kalangan umat Katolik di Keuskupan Keningau.



Yakin melangkah dengan Yesus dan sesama

KOTA KINABALU: Seramai 680 penziarah dari Katedral Hati Kudus telah menyertai ziarah ke salah satu daripada lima pusat ziarah di Keuskupan Agung Kota Kinabalu iaitu Paroki St Michael, Penampang.

Antara yang menyertai ziarah itu ialah 42 orang penziarah istimewa *Camino* iaitu mereka berjalan kaki dari Katedral Hati Kudus menuju Gereja *Immaculate Conception*, Bukit Padang dan seterusnya ke Gereja St Michael. Turut menyertai perjalanan *Camino* itu ialah Fr Therans Thaddeus. Di Gereja St Michael, Misa Kudus dipimpin oleh Fr Paul Lo bersama Fr Therans dan Fr Thomas Madanan.

14 pasangan perbaharui janji perkahwinan ketika berziarah ke Sibiu

SIBU: Satu-satunya Gereja Katolik dari pulau Labuan Wilayah Persekutuan, telah berziarah ke Oratorium St Teresa pada Oktober 15, sempena Pesta St Teresa Avilla.

Oratorium St Teresa, Sibiu merupakan salah satu daripada tiga pusat ziarah yang ditetapkan dalam Keuskupan Sibiu, sepanjang Tahun Jubli Penziarah Harapan.

Rombongan itu disambut mesra oleh ahli Komuniti Neo-Katekumenat Sibiu, yang diketuai

oleh Fr Edward Raymond, seorang paderi kongregasi Jalan Neo-Katekumenal.

Sebelum ketibaan mereka di Sibiu, para penziarah telah melawat pelbagai pusat ziarah di Kuching, Sarikei, dan Kanowit.

Sebelum memasuki Pintu Suci Harapan dan merayakan Misa, Fr Edward menjemput kumpulan itu untuk berdoa Litani Hati Kudus Yesus. Dalam khutbahnya, Fr Edward mengingatkan para penziarah agar tidak cepat mengadili

atau menjatuhkan hukuman terhadap orang lain, sebaliknya menunjukkan kasih, belas kasihan dan simpati.

Semasa Misa itu juga, empat belas pasangan yang sudah berkahwin mengambil kesempatan untuk memperbaharui ikrar perkahwinan mereka di hadapan paderi dan Tuhan.


Sejak pembukaan Pintu Suci, Oratorium St Teresa telah menerima 40 kumpulan ziarah, iaitu kira-kira 2,000 penziarah.




Sahabat kecil Yesus

Isikan tempat kosong di bawah untuk membaca kisah dalam Injil


Yesus pergi ke suatu kota yang bernama _____ Murid-murid-Nya pergi bersama-sama dengan Dia, dan juga orang banyak menyertai-Nya. Setelah dekat pintu kota, ada orang mati diusung ke luar, anak laki-laki, _____ ibunya yang sudah janda, dan banyak orang dari kota itu menyertai janda itu. (Lukas 7:11-12)



Dan ketika Tuhan melihat janda itu, tergeraklah hati-Nya oleh belas kasihan, lalu Dia berkata kepadanya: " _____ !" (Lukas 7:13)



Yesus menghampiri usungan itu. Dia menyentuhnya, dan sedang para pengusung berhenti, Dia berkata: "Hai anak muda, Aku berkata kepadamu, _____ !" Maka _____ orang itu dan duduk dan mulai _____ ! (Lukas 7: 14-15).



Nain bangkitlah bangunlah menangis jangan berkata-kata berbondong-bondong gerbang tunggal anak menyertai

Anak-anak yang dikasihi, November 1 dan 2 merupakan dua hari perayaan istimewa dalam Gereja. Kita merayakan semua orang yang mengikut Tuhan di bumi dan kini berada di Syurga iaitu Hari Para Kudus pada November 1. Hari ini, November 2, ialah perayaan para Arwah iaitu memperingati atau mendoakan ahli-ahli keluarga, saudara, rakan-rakan kita yang telah meninggal dunia lebih-lebih lagi mereka yang masih berada di Api Penyucian. Adik-adik, Hari para Arwah telah dirayakan oleh umat Kristian perdana kerana wujud doa-doa untuk mereka yang telah meninggal dunia. Misalnya dalam 2 Makabe 12:41, ada dicatatkan tentang upacara mendoakan jiwa



orang-orang yang sudah meninggal. Anak-anak, jangan juga menyamakan Hari para Arwah dengan perayaan-perayaan tradisi dunia seperti "Pesta Hantu" atau "Halloween". Pada Hari para Arwah kita memohon belas kasihan Tuhan dan pengampunan buat mereka yang telah berpulang ke rumah Bapa dengan harapan kita akan bersatu dengan mereka di syurga bersama para kudus!

Salam Sayang
Antie melly

Saya dihormati sebagai penaung muzik dan pemuzik, kerana selalu menyanyikan pujian untuk Tuhan dengan sepenuh hati saya. Siapakah saya?


SANTA C _ C _ _ L _ _ A



SANTA CECILIA

Saya dilahirkan dalam keluarga yang kaya raya. Tetapi Tuhan memanggil saya untuk "membina semula Gereja-Nya. Saya juga digelar pelindung "Alam Ciptaan Tuhan." Siapakah saya?

SANTO
F _ AN _ I _ K _ S
DARI
A _ _ ISI



SANTO FRANSISKUS DARI ASSISI



PADRE PIO

Saya dilahirkan di Pietrelcina, Italy. Saya seorang biarawan Fransiskan Kapusin, paderi dan mistik.

Saya mendapat stigmata iaitu luka-luka seperti Kristus. Orang beriman menyambut hari perayaan saya setiap September, 23. Siapakah saya?

P _ DR _ P _ _

BELIA

MIRI: Kem Muda Mudi anjuran Kerasulan Belia St Dominic and the Rosary, Taman Tunku, telah menjadi wadah pertemuan bagi belia Katolik yang membuahakan berkat persahabatan dan inspirasi iman.

Kem yang berlangsung baru-baru itu menyatukan para peserta dalam doa, pembelajaran dan juga perkongsian pengalaman.

Pada hari pertama, selepas pendaftaran, para peserta dialu-alukan dalam jamuan makan malam dan aktiviti 'ice-breaking' yang menghapuskan rasa kekok antara peserta yang datang daripada pelbagai latar belakang.

Detik permulaan suasana rohani mulai

Merayakan persahabatan bantu mantapkan iman belia

dirasakan apabila para peserta dipimpin dalam nyanyian pujian dan penyembahan.

Slot pertama bertajuk 'Self Discovery (I Am a Gift)' atau 'Aku Adalah Anugerah', membuka ruang bagi peserta untuk menyedari keunikan masing-masing sebagai anugerah Tuhan. Melalui perbincangan kumpulan, mereka diajak untuk melihat nilai diri daripada perspektif iman.

Hari kedua diteruskan dengan slot penting, iaitu 'Youth: Future of The Church', yang menekankan bahawa belia bukan sekadar

perwaris, tetapi juga pemimpin Gereja pada masa kini dan akan datang. Perkongsian dalam kumpulan kecil bersama fasilitator memperdalamkan kesedaran akan cabaran dan tanggungjawab mereka.

Selain sesi rohani, kem turut dipenuhi dengan aktiviti luar dan permainan yang mencerdikan.

Pada malam kedua kem, para peserta berhimpun dalam Misa Senja sebelum merayakan acara kemuncak iaitu Malam Persahabatan. Suasana meriah dengan persem-

bahan kumpulan, nyanyian bersama, dan perkongsian bakat kreatif peserta menambah warna kepada perhimpunan itu.

Pada hari terakhir kem, para peserta pulang dengan kenangan indah serta dengan kesedaran baharu akan peranan mereka dalam pelayanan dan kehidupan beriman.

Diharapkan, Kem Muda Mudi SDRC 2025 menjadi pembakar semangat kepada generasi muda untuk terus berkembang dalam iman, menjadi pemimpin yang berani, dan saksi kasih Kristus di dunia ini.



Kem Immanuel 2025, mewartakan Injil dengan tindakan konkrit

PLENTONG, Johor — Kem Immanuel 2025 telah berlangsung pada Oktober 11-12 lalu di Pusat Majodi Plentong, Johor.

Program ini dianjurkan oleh Bahasa Malaysia Language and Culture Council (BMLCC) di bawah pimpinan Fr Moses Rayappan, dengan tema "Kamu juga akan bersaksi tentang-Ku, kerana kamu semua bersama-Ku dari mula lagi" (Yohanes 15:27) yang dipetik daripada tema Hari Belia Katolik Sedunia 2025

Program ini dirancang sebagai satu inisiatif pastoral belia keuskupan bagi menggalakkan pertumbuhan rohani dalam kalangan belia Katolik berumur 13 hingga 17 tahun.

Penyertaan melibatkan 11 paroki daripada tiga vikariat di Keuskupan Melaka-Johor, sekali gus mencerminkan semangat kesatuan Gereja dalam kepelbagaian.

Penceramah utama, Sr. Magdalena FSIC, dan Seminarian Nathaniel, memperkayakan perjalanan iman ini melalui perkongsian rohani yang menyentuh hati serta membangkitkan semangat pelayanan.

Sepanjang dua hari program, para peserta dibimbing dalam satu perjalanan iman yang tersusun dan progresif, yang membantu mereka menyelami inti iman Kristian secara lebih mendalam.

Perjalanan ini bermula dengan perenungan mengenai martabat luhur manusia, yang diciptakan menurut rupa dan gambaran Tuhan; satu martabat yang bukan sahaja mencerminkan kasih Pencipta, tetapi juga memanggil manusia untuk hidup dalam hubungan persekutuan dengan-Nya.

Dalam kesedaran akan keindahan ciptaan



ini, para peserta diundang untuk merenungkan realiti kejatuhan manusia melalui dosa asal, yang memutuskan hubungan mesra manusia dengan Tuhan serta meninggalkan kesan mendalam dalam sejarah kemanusiaan.

Namun, dalam kegelapan dosa itu, kasih penyelamatan Yesus Kristus dinyatakan dengan nyata.

Melalui misteri Inkarnasi, wafat dan kebangkitan-Nya, Kristus telah membuka jalan penebusan, menyembuhkan luka dosa, memulihkan martabat manusia, serta memperbaharui hidup dengan rahmat yang menghidupkan.

Para peserta diajak untuk bukan sahaja memahami kebenaran ini secara intelektual, tetapi juga mengalaminya secara peribadi melalui pelbagai bentuk pengisian rohani yang dirancang dengan teliti.

Melalui doa peribadi dan komuniti, pu-

jian dan penyembahan, perkongsian firman, bengkel rohani, aktiviti komuniti serta perayaan Misa Kudus sebagai kemuncak iman, para peserta disapa oleh kasih Tuhan yang hidup dan nyata.

Dalam pertemuan rohani ini, mereka disedarkan bahawa kasih Tuhan bukan sekadar suatu pengajaran, tetapi suatu pengalaman peribadi akan kehadiran Kristus yang membebaskan, menyembuhkan dan mengutus. Akhirnya, mereka diperkukuh untuk melangkah keluar sebagai saksi kasih Kristus; mewartakan Injil bukan hanya dengan kata-kata, tetapi melalui cara hidup yang mencerminkan kasih Tuhan dalam dunia masa kini.

Suasana kem yang penuh semangat dan keterbukaan menjadikan program ini lebih daripada sekadar perhimpunan belia; ia menjadi ruang perjumpaan peribadi antara Tuhan dan anak-anak-Nya.

Salah seorang peserta menyatakan, "Melalui kem ini, saya belajar bahawa iman bukan sekadar kata-kata tetapi kesaksian hidup. Saya mahu menjadi saksi kasih Yesus kepada rakan-rakan saya."

Selain pengisian rohani yang mendalam, kem ini turut memberikan kesan yang nyata terhadap kehidupan para peserta, sebagaimana yang dicatat melalui borang evaluasi yang telah mereka isi.

Ramai peserta menzahirkan pengalaman peribadi yang menyentuh hati, khususnya dalam menyedari identiti mereka sebagai anak-anak Tuhan yang dikasihi.

"Kita istimewa bagi Yesus," dan "Kita dilahirkan bukan secara kebetulan kata seorang peserta yang mengakui Kem Immanuel, membuatnya semakin akrab dengan Tuhan.

"Saya belajar untuk berdoa dengan lebih ikhlas dan memahami kasih Tuhan dalam kehidupan saya," katanya.

Seorang lagi peserta menyatakan, "Sepanjang Kem Immanuel ini, saya belajar untuk lebih dekat dengan Tuhan melalui doa. Saya juga sedar bahawa kasih Tuhan sentiasa menyertai saya walaupun saya mempunyai banyak kelemahan."

Tindak balas yang dikemukakan oleh para peserta menunjukkan bahawa kem tersebut bukan sekadar menyampaikan pengetahuan rohani, tetapi juga pengalaman perjumpaan peribadi dengan Kristus yang menyentuh dan mengubah hati.

Kem Immanuel 2025 bukan sekadar sebuah program hujung minggu, tetapi sebuah perhentian rohani yang meneguhkan iman, memperdalam cinta kepada Tuhan dan menyalakan api pelayanan dalam hati para belia.

Berita singkat antarabangsa

Seruan gencatan senjata di Myanmar

ROMA: Pada akhir Misa di Dataran Sto Petrus pada Hari Misi Sedunia, Sri Paus Leo XIV berdoa untuk keamanan di seluruh dunia.

Sri Paus menyeru gencatan senjata di Myanmar, di mana konflik di negara itu telah berlanjutan sejak Mei 2021, menyifatkan berita yang datang dari negara Asia Tenggara itu sebagai “meresahkan.”

Bapa Suci Leo meratapi pertempuran bersenjata dan pemboman udara terhadap orang awam dan infrastruktur, menyatakan kedekatannya dengan semua yang menderita akibat kega-

nasan dan kesusahan.

“Saya mengulangi rayuan ikhlas saya untuk gencatan senjata segera dan berkesan,” katanya.

“Semoga alat perang digantikan dengan alat keamanan melalui dialog yang inklusif dan konstruktif!”

Bapa Suci Leo kemudian berdoa untuk keamanan di Tanah Suci, Ukraine, dan tempat-tempat lain yang dilanda perang.

“Semoga Tuhan mengurniakan semua pemimpin kebijaksanaan dan ketabahan untuk terus maju dalam usaha mencapai keamanan yang adil dan berkeadilan,” katanya. Media Vatikan

Pertemuan mangsa, aktivis penderaan dengan Sri Paus

TAKHTA SUCI: Buat pertama sejak dipilih menjadi Bapa Suci, Sri Paus Leo XIV bertemu dengan sekumpulan mangsa dan aktivis penderaan.

Pada Oktober 20, Sri Paus menerima kunjungan enam ahli lembaga pengarah ECA Global (Mengakhiri Penderaan Klerus).

Persatuan hak asasi manusia itu mempunyai ahli dari lebih 30 negara di enam benua, termasuk aktivis dan mangsa penderaan seksual yang dilakukan oleh klerus Katolik.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2018, rangkaian itu—yang amat aktif di Amerika Syarikat—telah berusaha untuk memastikan Gereja Katolik mematuhi cadangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Ber-

satu 2014 untuk dasar “sifar toleransi” yang berkesan.

Menurut ahli ECA, pertemuan dengan Sri Paus Leo “pastinya menandakan langkah bersejarah dan penuh harapan ke arah kerjasama yang lebih besar.”

Enam peserta tersebut ialah Gemma Hickey (Kanada), Timothy Law (AS), Evelyn Korkmaz (Kanada, Bangsa Pertama), Matthias Katsch (Jerman), Janet Aguti (Uganda), dan Sergio Salinas (Argentina).

Mereka datang daripada latar belakang dan budaya yang berbeza, disatukan oleh matlamat yang sama: untuk memastikan penderaan tidak berlaku lagi dan untuk menggalakkan kerjasama yang lebih berkesan dengan Gereja. Media Vatikan

Tanpa perjanjian antarabangsa, sisa plastik akan meningkat

GENEVA: Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) telah memberi amaran bahawa sisa plastik dijangka meningkat tiga kali ganda menjelang 2060 melainkan negara-negara bersetuju mengenai perjanjian antarabangsa yang mengikat untuk membendung pencemaran.

“Kita tidak akan dapat menyelesaikan krisis pencemaran plastik melalui kitar semula: kita memerlukan transformasi sistemik untuk mencapai peralihan kepada ekonomi kitaran,” kata Pengarah Eksekutif UNEP Inger Andersen menjelang pusingan rundingan terbaru di Geneva.

Rundingan itu menyusuli keputusan Negara Anggota PBB pada tahun 2022 untuk membangunkan perjanjian yang mengikat

secara sah bertujuan untuk menamatkan pencemaran plastik, termasuk di lautan, dalam tempoh dua tahun.

Penyokong menyamakan inisiatif itu dengan Perjanjian Iklim Paris 2015 tetapi memberi amaran bahawa negara-negara petrol kononnya memberi tekanan untuk melemahkan perjanjian itu, memandangkan kebergantungan mereka kepada minyak mentah dan gas asli—bahan mentah utama untuk pengeluaran plastik.

Jawatankuasa Perundingan Antara Kerajaan (INC) telah membincangkan draf teks setebal 22 muka surat yang mengandungi 32 artikel meliputi kitaran hayat plastik sepenuhnya, daripada reka bentuk dan pengeluaran hingga pelupusan. LICAS News

Pendidik Katolik berkumpul untuk program transformasi sekolah

SEMARANG: Hampir seratus pendidik Katolik dari enam keuskupan di seluruh Indonesia berkumpul di Pusat Pastoral Sanjaya di Muntian untuk Program Latihan Transformasi Sekolah Katolik.

Dianjurkan oleh Institut Kecermerlangan Keuskupan Agung Semarang, yang dikenali sebagai LEKAS (Lembaga Ekselensi Keuskupan Agung Semarang), inisiatif ini mengumpulkan pentadbir yayasan, pengetua dan guru dari keuskupan Semarang, Purwok-

erto, Malang, Bogor, Padang, dan Banjarmasin.

Kini dalam siri kedua sejak dilancarkan pada Mei 2025, program ini bertujuan untuk mengukuhkan pendidikan Katolik melalui pembelajaran holistik dan kolaboratif.

Peserta terlibat dalam sesi yang merangkumi kerohanian pendidikan Katolik, pedagogi harapan, transformasi pengurusan sekolah, dan penggunaan teknologi dalam membina rangkaian dan komuniti pembelajaran. LICAS News

Sri Paus Leo kanonisasi tujuh santo baharu

VATIKAN: Ketika mengkanonisasi tujuh orang kudus pada Hari Minggu Misi Sedunia, Sri Paus Leo XIV mengatakan bahawa Tuhan hadir di mana sahaja orang yang tidak bersalah menderita dan juga di mana bentuk keadilan adalah pengampunan.

“Tuhan menganugerahkan keadilan kepada semua orang, memberikan nyawa-Nya untuk semua orang,” kata Sri Paus dalam homilinya dalam Misa kanonisasi di Dataran Sto Petrus pada Oktober 19 — ketika Gereja berdoa bagi para misionari dan usaha mereka dalam evangelisasi, pendidikan, kesihatan, dan pelayanan lainnya.


“Sesungguhnya, iman inilah yang menopang komitmen kita terhadap keadilan, kerana kita percaya bahawa Tuhan menyelamatkan dunia kerana kasih serta membebaskan kita dari fatalisme,” katanya.

“Ketika kita mendengar jeritan mereka yang sedang kesengsaraan, marilah kita bertanya pada diri sendiri, apakah kita menjadi saksi kasih Bapa, sebagaimana Kristus bagi semua orang?”

Yesus “ialah peribadi yang rendah hati yang memanggil orang yang sombong untuk bertaubat,” katanya.

Dalam upacara kanonisasi kali kedua pada masa kepausannya, Sri Paus Leo XIV mendeklarasikan orang kudus bagi tujuh orang lelaki dan wanita dari abad ke-19 hingga ke-21, termasuk dua orang kudus pertama Venezuela: Sta Maria Rendiles Martínez dan Sto José Gregorio Hernández Cisneros.

Sto Rendiles ialah pendiri Kon-



gregasi para biarawati Hamba Yesus dari Venezuela, yang lahir di Caracas tahun 1903 dan meninggal dunia pada tahun 1977.

Sto Hernández lahir tahun 1864 dan sebagai seorang doktor Venezuela, beliau dikenali sebagai “doktor kaum miskin,” dan maut dalam sebuah kemalangan pada tahun 1919 ketika dalam perjalanan untuk membantu seorang pesakit.

Bapa Suci Leo juga mengkanonisasi:

Sto Ignatius Maloyan, Uskup Agung Katolik Armenia yang menjadi martir di Mardin (sekarang dalam wilayah Turki), lahir tahun 1869, ditangkap, disiksa, dan diusir ke Turki pada tahun 1915.

Sto Petrus To Rot, seorang katekis awam yang menjadi martir, dari Papua New Guinea. Lahir tahun 1912, ditangkap pada tahun 1945 semasa pendudukan Jepun dalam Perang Dunia II dan dibunuh dengan suntikan maut ketika berada di penjara.

Sto Vincenza Maria Poloni, pen-

gasas Kongregasi para Biarawati Belas Kasih Verona, Itali; beliau hidup dari tahun 1802-1855.

Sto Maria Troncatti, seorang biarawati Salesian, lahir di Itali tahun 1883 dan menjadi misionari di Ekuador tahun 1922. Maut dalam kemalangan pesawat tahun 1969.

Sto Bartolo Longo, seorang pengam Italia yang lahir tahun 1841. Beliau seorang penentang keras Gereja dan terlibat dalam okultisme, tetapi kemudian bertaubat dan membaktikan dirinya untuk beramal dan membangun Tempat Ziarah Kepausan Santa Perawan Maria Rosario di Pompei. Beliau meninggal dunia pada tahun 1926.

Sri Paus menyebut para santo baharu ini sebagai “sahabat setia Kristus” yang bukan setakat pahlawan atau pejuang cita-cita tertentu, melainkan lelaki dan wanita sejati menjadi martir kerana iman mereka, penginjil, misionari, pendiri karismatik, dan dermawan umat manusia.” Media Vatikan

Gereja Thailand terbitkan garis panduan etika budaya digital

BANGKOK: Konferensi para Uskup Katolik Thailand (CBCT) mengeluarkan Garis Panduan baharu mengenai Budaya Digital pada Oktober 21 yang menggesa pendekatan beretika dan berpusatkan iman terhadap transformasi digital yang membentuk semula kehidupan moden melalui kecerdasan buatan (AI) dan teknologi.

Berakar umbi dalam ajaran sosial Katolik dan diilhamkan oleh Sinode para Uskup baru-baru ini di Roma, garis panduan ini menimbulkan persoalan utama: Bagaimanakah budaya digital dapat berkhidmat kepada kemanusiaan tanpa menjejaskan nilai-nilai terdalam kita?

Para prelatus menyatakan teknologi bukan sebagai ancaman, tetapi sebagai perkongsian penciptaan bersama dengan Tuhan—alat yang sepatutnya menegakkan maruah manusia, melindungi kebaikan bersama, dan menjaga alam ciptaan.

“Budaya digital sedang mengubah dunia manusia secara mendalam, terutamanya dalam kalangan belia,” kata Fr Joseph Anucha Chaiyadej, Setiausaha Agung Pejabat Komunikasi Sosial CBCT.

CBCT menekankan impak “budaya digital” terhadap kehidupan manusia, terutamanya dalam kalangan belia.

Gereja menyeru agar teknologi berkhidmat untuk kemanusiaan dan menegakkan nilai-nilai moral di tengah-tengah peningkatan pesat kecerdasan buatan dan komunikasi dalam talian.

“Internet menawarkan peluang baharu untuk berhubung, tetapi ia juga membawa kesunyian, pengasingan, dan peminggiran,” tambah paderi itu.

Fr Anucha mengakui bahawa AI membawa manfaat yang ketara, mengurangkan banyak bentuk penderitaan manusia.

Garis Panduan CBCT mengenai Budaya Digital mengesahkan semula misi Gereja untuk menegakkan maruah manusia dalam setiap interaksi digital.

Para prelatus menyeru umat beriman untuk berinteraksi dalam talian dengan bijak dan berintegriti, mengubah platform digital menjadi ruang iman, harapan, dan kesaksian Kristian yang tulen.

“Teknologi mesti berkhidmat untuk kemanusiaan—bukan sebaliknya,” tegas Fr Anucha. LICAS News



Kebangkitan menghalau kedukaan

VATIKAN: Semasa memimpin Audiens Umum hari Rabu di Dataran Sto Petrus pada Oktober 22, Sri Paus Leo XIV menungkan Kebangkitan Kristus sebagai “peristiwa yang tidak pernah selesai untuk direnungkan dan dihayati.”

Prelatus itu menekankan bahawa semakin seseorang menerokainya, semakin seseorang tertarik ke dalam “cahaya yang luar biasa namun mepesonakan.”

“Kebangkitan Yesus,” kata Sri Paus Leo, “dapat menyembuhkan salah satu cabaran dunia hari ini: kesedihan. Menyusup dan meluas, kesedihan menemani hari-hari ramai orang.”

Bapa Suci menyifatkannya sebagai perasaan tidak menentu yang menyusup ke dalam diri seseorang dan seolah-olah menghentikan kegembiraan.



Sri Paus Leo menegaskan bahawa dalam kata sifat Yunani “kelihatan sedih” menggambarkan dukacita mendalam dan ia jelas terpancar pada wajah mereka.

Kesedihan merampas kebahagiaan

“Kesedihan merampas makna dan tenaga hidup menjadikannya perjalanan yang tidak berarah dan tidak bermakna,” kata Sri Paus Leo.

Pengalaman ini dapat dilihat dalam kisah dua orang murid Yesus dalam perjalanan ke Emaus seperti yang diceritakan dalam Injil Lukas.

Mereka sedih dan tawar hati dengan kematian Yesus. Sri Paus mengatakan bahawa kisah itu merupakan contoh kesedihan manusia: “kesedihan menyebabkan tenaga yang telah banyak dilaburkan, lebur begitu sahaja. Ia memusnahkan apa yang kelihatan sebagai inti pati kehidupan mereka.”

Apabila segala-galanya kelihatan kelim bagi kedua-dua lelaki itu, Yesus muncul sebagai orang asing kepada mereka. Injil menggambarkan mereka berdiri diam, “kelihatan sedih”.

Harapan itu nyata dan ketara

Kata-kata Yesus kepada murid-murid menyeru “kebodohan” hati mereka disingkirkan. Yesus tidak mendorong mereka lebih jauh ke dalam kesedihan, kejujuran-Nya menyalakan semula rasa harapan dalam diri mereka.

Kemuncak kisah di Emaus itu ialah upacara pemecahan roti, yang membuka “mata hati kedua-dua murid itu, menerangi sekali lagi penglihatan mereka yang kabur disebabkan oleh putus asa.”

Pada ketika itu, Yesus telah menyalakan semula kegembiraan dalam diri mereka dan dua orang murid itu bersukacita untuk berkongsi pengalaman mereka berte-muan dengan Yesus dengan orang lain.

Orang Kristian menggunakan ucapan

Paskah, “Tuhan sesungguhnya telah bangkit, ia bukan kebetulan!”

Sri Paus Leo menekankan bahawa Yesus tidak hanya bangkit dalam kata-kata, tetapi juga dalam tindakan, seperti yang ditunjukkan oleh tubuh-Nya dengan tanda-tanda penyaliban.

Kemenangan kehidupan bukanlah kata-kata kosong, tetapi fakta yang nyata dan ketara.

Bapa Suci Leo menyatakan harapannya agar kegembiraan murid-murid di jalan ke Emaus dapat menjadi peringatan kepada kita semua apabila kita menghadapi masa-masa sukar. Yesus, Yang Bangkit, mengubah perspektif kita secara drastik, memberi kita harapan yang dapat menghalau kesedihan.

Melihat kepada Kebangkitan membantu mengubah pandangan seseorang terhadap dunia dan menyedari Kebenaran yang menyelamatkan dan terus menyelamatkan kita. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Jangan khuatir...

Ketakutan dan kekhawatiran ialah emosi yang sering kali kita alami dalam kehidupan ini. Syukur, Alkitab memberikan kita cara untuk mengatasi perasaan ini melalui doa dan percaya kepada kedaulatan Tuhan serta sifat-Nya yang Maha Penyayang.

Berikut merupakan beberapa panduan Alkitab dalam mengatasi ketakutan dan kekhawatiran serta langkah-langkah konkrit yang dapat diambil untuk hidup dalam damai dan iman.

Percaya pada Pemeliharaan Tuhan

Yesus mengajar kita untuk tidak khuatir tentang kehidupan kita. “Janganlah khuatir tentang hidupmu, apa yang hendak kamu makan atau minum, dan janganlah khuatir

pula tentang tubuhmu, apa yang hendak kamu pakai. (Matius 6:25-34)”

Yesus mengingatkan kita bahawa Bapa kita di syurga mengetahui semua keperluan kita dan akan menyediakannya. Fokus kita seharusnya bukan pada kekhawatiran sehari-hari, tetapi mencari kerajaan Tuhan dan kebenarannya.

Serahkan Kekhawatiran dalam Doa

“Janganlah hendaknya kamu khuatir tentang apa pun juga, tetapi nyatakanlah dalam segala hal keinginanmu kepada Tuhan dalam doa dan permohonan dengan ucapan syukur.” (Filipi 4:6-9)”

Petikan ini menekankan pentingnya berdoa dan menyerahkan kekhawatiran kita ke-

pada Tuhan.

Dalam Filipi ayat 7, Paulus menjanjikan bahawa “Damai sejahtera Tuhan, yang melampaui segala akal, akan memelihara hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus.” Dengan berdoa dan bersyukur, kita dapat menemukan kedamaian yang melampaui segala pengertian.

Serahkan kekhawatiran kepada Tuhan

1 Petrus 5:7 mengingatkan kita untuk “Serahkanlah segala kekhawatiranmu kepada-Nya, sebab Dia yang memelihara kamu.”

Tuhan mengundang kita untuk menyerahkan semua kekhawatiran kita kepada-Nya, kerana Dia peduli dan ingin memelihara kita. Ketika kita menyerahkan kekhawatiran kita kepada Tuhan, kita menunjukkan kepercayaan kita pada pemeliharaan dan kasih-Nya.

Percayalah kepada Tuhan

Mazmur 37:5,25 memberikan dorongan yang kuat: “Serahkanlah hidupmu kepada TUHAN dan percayalah kepada-Nya, dan Ia akan bertindak,” dan “Aku muda dan sekarang telah menjadi tua, tetapi aku tidak pernah melihat orang benar ditinggalkan, atau anak cucunya meminta-minta roti.”

Ayat-ayat ini menunjukkan bahawa Tuhan selalu setia dan dapat dipercayai dalam setiap keadaan. Percaya kepada Tuhan ialah kunci untuk mengatasi ketakutan dan kekhawatiran. **Aleteia**



PENULIS BERKICAU

Mereka yang lapar ialah saudara kita

Nampaknya saya tidak dapat memikirkan isu-isu lain selain isu Gaza. Bukannya tidak ada isu penting yang berlaku dalam paroki dan di negara ini tetapi setelah bantuan Misi Malaysia melalui *Sumud Flotilla* yang lama dahulu gagal tiba di Gaza, menimbulkan rasa belas kasihan yang amat dalam akan penderitaan orang-orang di Gaza yang kelaparan, daif, ketakutan berpanjangan lebih-lebih lagi dalam kalangan kanak-kanak, wanita dan orang-orang tua.

Pada Oktober 7, Israel melancarkan kempen ketenteraan yang mengerikan sebagai tindak balas terhadap serangan ke atas selatan negara itu. Pada hari itu, pejuang Hamas dan rakan-rakan militan mereka menyerbu penempatan Israel dan kubu ketenteraan.

Mereka telah membunuh lebih 1,200 orang, dan lebih 251 orang lagi dijadikan tebusan, dibawa ke Gaza, dan disembunyikan di terowong bawah tanah. Kira-kira 300 daripada mereka yang terbunuh adalah askar Israel.

Hamas mendakwa bahawa serangan itu adalah sebagai balasan terhadap pendudukan Israel yang kejam dan tidak adil di Palestine.

Sempadan Gaza dilukis sebagai hasil Perang Arab-Israel 1948, apabila ia diduduki oleh Mesir. Pasukan Mesir diusir dari Gaza dalam Perang Enam Hari 1967, dan Jalur Gaza diduduki oleh Israel, yang kemudian membina penempatan dan meletakkan penduduk Palestin di kawasan enklaf itu di bawah pemerintahan tentera.

Kini setelah sekian lama, terdapat fasa perjanjian damai termasuk penghentian sepenuhnya pertempuran; pembebasan semua tebusan Israel yang masih hidup, sama ada hidup atau mati; dan pembebasan sejumlah besar tahanan Palestine sebagai balasan.

Ada sinar bahawa akan ada pengunduran separa pasukan Israel ke garisan kuning yang telah diper-setujui dan lebih daripada 400 trak bantuan kemanusiaan memasuki Gaza setiap hari. Kumpulan antarabangsa akan memantau gencatan senjata. Peringkat kedua perjanjian itu sedang dirundingkan. Namun, bolehkah Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu dan menteri-menteri sayap kanannya dipercayai untuk mengekalkan gencatan senjata, atau adakah mereka akan membuat tuntutan yang mustahil?

Meminjam maklumat daripada beberapa media Katolik, sebahagian besar Gaza — kira-kira 41 kilometer panjang dan 10 kilometer lebar, terletak di Laut Mediterranean timur — adalah tempat 2.1 juta orang berada di ambang kebuluran, jika tidak sudah kebuluran.

Sebahagian besar wilayah telah dimusnahkan oleh pengeboman Israel. Pusat Satelit Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenal pasti 192,812 struktur yang rosak teruk setakat Julai 2025, yang bersamaan dengan 78 peratus daripada semua bangunan di Gaza pada masa itu. Lebih 436,000 rumah telah rosak atau musnah.

“Sesiapa yang menderita kelaparan bukanlah orang asing. Dia adalah saudara saya, dan saya mesti membantunya tanpa berlengah-lengah” — Sri Paus Leo XIV. Semoga Bonda perdamaian dapat mendoakan hati mereka yang zalim, untuk segera membuka pintu hati perdamaian!

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau

WhatsApp: 011-26391498



Untuk Pencegahan Bunuh Diri

Marilah kita berdoa agar mereka yang terdoda untuk membunuh diri, mendapat sokongan, penjagaan dan kasih sayang yang mereka perlukan dalam komuniti mereka, dan terbuka kepada keindahan hidup.

November 2, 2025

Mengiktiraf hak asasi bahasa isyarat untuk golongan pekak

PETALING JAYA: Pelayan Katolik untuk Orang Pekak (CMFD), di bawah jagaan Pejabat Keuskupan Agung untuk Pembangunan Manusia (AOHD), meraikan Hari Antarabangsa Bahasa Isyarat (IDSL) 2025 di Gereja Assumption baru-baru ini.

Tema global tahun ini, "Tiada Hak Asasi Manusia Tanpa Hak Bahasa Isyarat," ia menekankan kepentingan mengiktiraf bahasa isyarat sebagai hak asasi manusia yang asas dan menggalakkan penyertaan untuk komuniti Pekak.

Acara pada sebelah pagi dimulakan dengan doa rosari, diikuti Misa yang dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow. Fr Michael Chua, bertindak sebagai penterjemah bahasa isyarat kepada golongan pekak.

Selepas Misa, Aldeany, seorang belia pekak, berkongsi renungan peribadinya, mengingatkan semua

bahawa menjadi pekak bukanlah satu kecacatan tetapi cara yang berbeza untuk mengalami dunia.

"Bahasa isyarat adalah suara saya," katanya, meluahkan rasa cinta yang mendalam kepada Tuhan.

Selepas Misa, umat berkumpul untuk sesi maklumat mengenai "Budaya dan Komuniti Orang-orang Pekak" oleh Charles Thin, seorang pengacara pekak yang menggabungkan drama serta permainan interaktif.

Kemudian, Teresa Chong, seorang penari pekak mempersembahkan tarian tradisional.

Salah satu sorotan hari itu ialah pelancaran projek video "Rosari Suci dalam BIM" (Bahasa Insyarat Malaysia) iaitu siri doa rosari dalam BIM.

Inisiatif ini, yang mengambil masa setahun setengah untuk dibangunkan, dicipta oleh individu pekak untuk komuniti pekak.

Genevieve Yap, jurubahasa dan penyelaras pasukan iman, menjelaskan bahawa video-video itu bertujuan untuk menjadikan doa rosari mudah diakses oleh penganut Katolik yang pekak dan menggalakkan devosi harian.

Setiap misterium rosari, dilustrasikan melalui 20 lakaran asal oleh artis pekak Katolik, Lim Anuar (Max).

Video-video tersebut kini dapat diakses di laman web CMFD: www.catholicministryfordeaf.my

Sesi itu diakhiri dengan segmen soal jawab, diikuti dengan pengenalan Jawatankuasa Pengelola IDSL 2025, yang diketuai oleh Isabella Peng, seorang penyelaras Orang Pekak, bersama-sama dengan pasukannya yang berdedikasi terdiri daripada ahli Orang Pekak dan Orang Mendengar. Kerjasama mereka mencerminkan tema acara iaitu inklusiviti dan perkongsian yang sebenar.



Uskup Agung Simon Iantik 22 katekis sepenuh masa

KOTA PADAWAN, Kuching: Seramai 22 orang katekis sepenuh masa, termasuk seorang religius telah dilantik dalam sebuah upacara yang diperkenalkan oleh Surat Apostolik Sri Paus Fransiskus, 'Antiquum Ministerium' yang diterbitkan pada tahun 2021.

Pelantikan itu merupakan upacara penting kerana kali pertama dilakukan di Keuskupan Agung.

Uskup Agung Simon Poh berkata, "Kami telah menggunakan model yang sama selama lebih 50 tahun dan kini secara rasmi dapat menginstitutionkan pelayan katekis dalam semangat pelayan katekis purba, seperti yang kita baca dalam Perjanjian Baru."

Uskup Agung menyatakan, "Surat apostolik *Antiquum Ministerium* itu mengiktiraf peranan kuno katekis dalam zaman para rasul, menyoroti kepentingan sejarah mereka dalam penginjilan dan penyampaian iman. Ia menekankan aspek-aspek kema-

hiran pelayan itu serta menyeru kepada usaha kolaboratif antara katekis awam, uskup dan paderi."

Turut menyaksikan upacara itu ialah Paderi Paroki Kota Padawan, Fr Don Don Ramirez; Fr Peter Liston dari St Stephen; Fr Lazarus Swinie dari St Theresa dan Fr Prince Cornelius dari St Jude.

Meneruskan jejak langkah Misionari *Mill Hill* pada tahun 1970-an yang melatih katekis untuk bekerja bersama paderi bagi pengajaran iman di ratusan kampung di seluruh negeri, Keuskupan Agung Kuching, Keuskupan untuk melatih kumpulan katekis di Sarawak.

Katekis sepenuh masa yang ada sekarang telah menjalani kursus latihan komprehensif selama tiga tahun, iaitu mengikuti tiga sesi latihan yang diadakan di Miri pada tahun 2020 (Februari 10 hingga Mei 29), 2021 (Februari 8 hingga Mei 28) dan 2022 (Februari 4 hingga Mei 21). **Today's Catholic**



LIMBAHAU: Tanpa hidayah, rakyat tidak terkendali, tetapi berbahagialah orang yang berpegang teguh pada hukum Taurat (Amsal 29: 18, AVB).

Mencipta kenyataan visi dan misi untuk paroki adalah penting bagi memberi inspirasi serta hala tuju kepada umat.

Pernyataan-pernyataan misi dan visi ini lebih daripada sekadar kata-kata—ia ialah alat bantu yang membimbing hala tuju Gereja dan menyatukan ahlinya seperti yang tertulis dalam Injil Matius 28:19. "Oleh itu, pergilah dan jadikan semua bangsa murid, membaptis mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus.

Pada awal bulan September lalu, lebih 200 umat dari paroki *Holy Rosary Limbahau* (HRL) berkumpul di Gereja St Theresa, Kogoon untuk membincangkan serta menetapkan misi dan visi untuk paroki HRL.

Kemudian, pada Oktober 5, semasa lawatan pastoral Uskup Agung John Wong, kenyataan misi dan visi paroki HRL, dibentangkan pada



HRL lancar Misi dan Visi Paroki

kain rentang, dipersembahkan dan dirasmikan oleh Bapa Uskup Agung dan dibaca bersama oleh ratusan umat paroki yang hadir.

Berikut merupakan VISI dan Misi paroki HRL yang telah dirasmikan oleh Uskup Agung John Wong, disaksikan oleh Msgr Nicholas Stephen, Fr Lasius Gantis dan Fr Joshua Liew bersama ahli-ahli Majlis Pastoral Paroki HRL:

Visi: Komuniti penyayang, berjalan bersama dalam kasih Kristus, menjadi terang dan garam dunia,

bersikap ambil peduli dan hidup harmoni dengan segala ciptaan Tuhan.

MISI: Kami umat Paroki HRL yang terdiri daripada umat awam, pemimpin umat awam, katekis, religius dan para paderi, dengan pimpinan Roh Kudus, yang mengamanatkan diri untuk:-

- Memperbaharui diri, keluarga dan komuniti, melalui Sabda Tuhan, katekesis iman dan sakramen-sakramen.
- Mengukuhkan persaudaraan

dalam komuniti paroki, mengutamakan sinodaliti dan solidariti.

•Meneguhkan iman umat dalam ajaran gereja Katolik serta menghidupi ajaran Yesus, seterusnya bersaksi dalam keluarga, komuniti dan dunia digital.

•Membentuk keluarga katolik yang beriman, penuh kasih dan pengharapan, aktif dalam kehidupan menggereja serta penginjilan dengan semangat misionari.

•Membela martabat manusia, memperjuangkan keadilan dan

kedamaian menurut ajaran sosial Gereja.

•Mempromosikan panggilan kepaderian dan religius kepada generasi muda paroki.

•Memelihara dan memulihara alam ciptaan Tuhan dengan meningkatkan kesedaran ekologi dan menghidupi tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Misi dan Visi ini memperkukuh arah pastoral paroki dalam menghadapi cabaran zaman moden. Pelancaran ini menjadi simbol komitmen seluruh umat untuk berjalan bersama sebagai satu keluarga paroki yang berlandaskan iman, harapan, dan kasih.

"Kita bersyukur kepada Tuhan kerana rahmat dan berkat-Nya yang terus menyertai perjalanan paroki ini."

"Saya ingin menyeru kepada umat di paroki ini benar-benar menghayati dan menghidupi visi dan misi yang baru ini menjadi panduan bagi kita semua untuk terus berkembang dalam iman dan pelayanannya," kata Msgr Nicholas Stephen dalam ucapannya.